

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Tuesday, 5 September, 2017 5:46 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: BERFIKIR PANJANG SK KUBOR PANJANG PENDANG KEDAH



05 SEPTEMBER 2017 / 14 ZULHIJAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

BERFIKIR PANJANG SK KUBOR PANJANG PENDANG KEDAH



ANJUNG TAMU ONLINE: Tekad untuk menjadi pelajar cemerlang, Sekolah Kebangsaan Kubor Panjang, Pendang Kedah telah bertukar pandangan, fikiran dan ideologi mereka supaya jangan sesekali memanjakan diri apabila menghadapi kesukaran.

Selain itu, motivasi dengan menggambarkan kecemerlangan di dalam minda, kawal tindakan dan rangsangan sendiri dapat membentuk dorongan yang tinggi apabila melihat prasarana yang ditawarkan di Universiti Pengurusan Terkemuka yang bakal mereka jejak suatu hari nanti.

Jelaslah, berfikir positif untuk masa depan mampu mencapai impian 92 pelajar SK Kubor Panjang, berkampung serta Discover UUM di Welcome Centre. Dalam konteks ini juga, mereka menyedari bahawa kecemerlangan akan tercipta apabila manusia seperti kita yang datang dari keluarga biasa dengan kecerdasan biasa, tetapi berusaha secara luar biasa.

Guru pengiring mereka, Rahilah Md. Isa berkata, “Pelajar ingin mencari ilmu sebagai sinar hidup.”

“Suasana sekeliling Welcome Centre damai dan indah. Kami terharu dengan sambutan dan layanan,” ujar beliau lagi.

Sebagai nilai tambah kepada lawatan ini, pelbagai program diatur seperti khidmat diri, bengkel Bahasa Inggeris, teknik menjawab soalan Matematik, tazkirah serta riadah di sekitar kampus dengan kerjasama Inasis Bank Simpanan Nasional kata Pengarah Program, Aini Nura' Adilah Abdul Hadi.

Harapan agar fikiran pelajar SK Kubor Panjang difokuskan kepada matlamat pembelajaran yang jelas hala tujunya, malahan kecemerlangan pula didefinisikan sebagai suatu puncak yang tinggi dan gah untuk dicapai oleh mereka.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.